# Utusan Malaysia - Pas Minta Bentang Kertas Putih Kewangan

Selasa, Okt 16 2018



## Pas minta bentang kertas putih kewangan

UM 16/10/18

**KUALA LUMPUR 15 Okt.** – Pas meminta Menteri Kewangan, Lim Guan Eng membentangkan satu kertas putih mengenai kedudukan sebenar kewangan Kerajaan Persekutuan sebelum Bajet 2019 pada 2 November ini.

Ketua Penerangannya, Nasrudin Hassan berkata, kertas putih tersebut sangat

penting untuk menyelaras kedudukan kewangan negara ekoran terdapat beberapa kecelaruan mengenai data yang dikemukakan Menteri Kewangan dan pemimpin-pemimpin yang lain.

"Guan Eng dalam satu kenyataan kelmarin memberitahu kerajaan yang dipimpin Barisan Nasional telah meninggalkan Akaun Wang Tunai berjumlah RM450 juta pada 30 April 2018. Beliau turut mendakwa Akaun Hasil Disatukan telah susut mendadak sebanyak 96 peratus daripada jumlah asal iaitu RM11.86 bilion pada akhir 2017.

"Penyusutan perbelanjaan mendadak ini perlu diperincikan supaya rakyat mengetahui apakah objek perbelanjaan yang telah dilakukan dan bagaimana kerajaan membiayai perbelanjaan mengurus dalam tempoh Mei hingga September 2018," katanya dalam satu kenyataan yang dipetik dari portal *Harakahdaily* hari ini.




BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216